

MAHATHIR - AIPO
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 6 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA PERTUBUHAN ANTARA PARLIMEN ASEAN (AIPO) PERLU MENUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP ISU YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN LUAS TERHADAP RAKYAT RANTAU INI TERUTAMANYA MENJADIKAN ANTARTIKA SEBAGAI "RANTAU PELUANG BERSAMA UNTUK SEMUA UMAT MANUSIA."

"IA JUGA PERLU MENUNJUKKAN MINAT BAGI MENGEKALKAN KEMERDEKAAN DAN KEAMANAN SELURUH DUNIA," KATA DATUK SERI MAHATHIR DALAM SATU PERUTUSAN YANG DIKELUARKAN DI SINI HARI INI. PERUTUSAN ITU DIBACAKAN OLEH YANG DIPERTUA DEWAN RAKYAT, DATUK MOHAMED ZAHIR ISMAIL DI PERSIDANGAN AGUNG AIPO KELIMA DI MANILA SEMALAM.

BAGAIMANAPUN, BELIAU YAKIN PERBINCANGAN AIPO DI MANILA AKAN MEMBERIKAN PENEKANAN ISU YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN ASEAN.

"SAYA INGIN MELIHAT KEMAJUAN PERBINCANGAN AIPO MENGENAI PERKARA-PERKARA SEPERTI PEPERANGAN KITA DENGAN DADAH; KEINGINAN KITA BAGI MEMBAIKI PERDAGANGAN DAN PELABURAN DALAM ASEAN DAN MINAT KITA YANG BERTERUSAN UNTUK Mencarikan KEAMANAN DAN KEBEBASAN BAGI RAKYAT KAMPUCHEA SEPERTI YANG KITA SANJUNGI DALAM NEGARA KITA SENDIRI," TAMBAH BELIAU. --LAGI 2355/II

ZCZC B701

MAHATHIR - AIPO 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA AIPO "BERHIMPUN KETIKA ASEAN MENGHADAPI CABARAN BESAR. SEBAGAI CONTOH, ISU POLITIK YANG TELAH MELETAKKAN ASEAN KE TAHAP TERKENAL DI DALAM DAN LUAR ASEAN TERUS KEKAL SEBAGAI KEPENTINGAN KEBANGSAAN DAN NASIONAL YANG UTAMA; KATANYA.

KEPENTINGAN EKONOMI DAN SOSIAL ASEAN, MENURUT BELIAU TELAH SAMPAI KE TAHAP DI MANA NEGARA-NEGARA ASEAN PERLU BEKERJASAMA RAPAT KE ARAH BERDIKARI DAN KETAHANAN DALAM ASEAN.

PERISYTIHARAN BANGKOK TAHUN 1967 YANG MENUBUHKAN ASEAN DAN PERISYTIHARAN KUALA LUMPUR MEMPERKENALKAN KONSEP KAWASAN AMAN, BEBAS DAN BERKECUALI (ZOPFAN); KATA PERDANA MENTERI TELAH MENJADI SEMAKIN PENTING DAN BERMAKNA.

KERANA ITU ANGGOTA PARLIMEN ASEAN MEMPUNYAI PERANAN PENTING DAN BERMAKNA YANG PERLU DIMAINKAN; TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR.

-- BERNAMA 2359/II

ZCZC N150 (F/S)